

## AMAL JAMA'I MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN DAN AL-SUNNAH

NUR AIMUNI BT AZMAN  
cahayaimuni@gmail.com

FARHAH ZAIDAR MOHAMED RAMLI  
farhahzaidar@kuis.edu.my

Jabatan al-Quran dan al-Sunnah  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

### ABSTRAK

*'Amal Jama'i merupakan gerakan bersama berdasarkan kesepakatan dan bekerja bersama-sama untuk mencapai matlamat yang sama. Islam amat memberi penekanan kepada amalan berpasukan atau 'Amal Jama'i dalam kegiatan hidup sama ada bersifat keagamaan ataupun keduniaan. Gambaran terhadap kepentingan kerja secara 'Amal Jama'i menjadi suatu kemestian apabila amalan yang diwajibkan kepada setiap individu juga, digalakkan supaya dilakukan secara berjemaah seperti solat, apatah lagi hal-hal yang melibatkan kehidupan harian. 'Amal Jama'i yang perlu difahami dalam Islam bukan hanya dikaitkan dengan suatu kerja yang melibatkan peningkatan produktif serta pencapaian sesebuah organisasi semata-mata. Artikel ini bertujuan untuk mendedahkan konsep amal jama'i sebenar berdasarkan jurus kefahaman Islam berlandaskan sumber al-Quran dan al-Sunnah. Data-data kajian dikumpulkan berasaskan analisis dokumen dan dianalisa secara deskriptif. Dapatan merumuskan konsep 'Amal Jama'i dalam Islam adalah luas dan tidak terhad kepada bekerja secara berpasukan untuk menaikkan nama organisasi semata-mata, sebaliknya menyentuh aspek kemanusiaan yang melahirkan insan berkualiti dari sudut keperibadian, pengamalan dan penghayatan sesuatu ibadat. Ia juga, melibatkan kehidupan harian yang dilalui dan ditempuhi, sepertimana para sahabat yang terdahulu. Oleh itu, mereka cemerlang dalam semua aspek yang diceburi dan pada masa yang sama mereka membawa prinsip hidup bahawa setiap amalan yang dilakukan tidak lain hanya kerana mencari keredhaan Allah.*

**Kata kunci:** *Amal Jama'i, al-Quran, al-Sunnah*

### 1.0 PENGENALAN

*'Amal Jama'i merupakan gerakan bersama berdasarkan kesepakatan dan bekerja bersama-sama untuk mencapai matlamat yang sama. Sebagai manusia kekuatan jasmani dan rohani terbatas sehingga tidak mampu dikawal jika ditimpa musibah. Disini dapat dijelaskan, bahawa konsep amal jama'i adalah sebuah kebaikan yang perlu dilakukan bagi memberi kekuatan positif didalam diri dan orang lain. Namun demikian, masyarakat Islam kini kurang memberi perhatian dan galakan dalam berjemaah, bagi mereka ia adalah sesuatu membebankan. Hakikatnya, 'amal jama'i bukan sahaja mewujudkan satu organisasi, malah menjadi sumber kekuatan hidup kerana dapat melahirkan sifat mahmudah didalam diri. Justeru itu, amal yang baik dapat dibina dengan pelbagai cara dan aktiviti seperti amal jama'i.*

Dari *al-Harits al-Asy'ari* dari Nabi SAW bersabda: “Dan saya perintahkan kepadamu lima hal dimana Allah memerintahkan hal tersebut: Mendengar, taat, jihad, hijrah dan jamaah. Sesungguhnya barangsiapa yang meninggalkan jamaah sejengkal, maka telah melepaskan ikatan Islam dari lehernya kecuali jika kembali. Dan barangsiapa yang menyeru dengan seruan Jahiliah maka termasuk buah jahannam. (HR Ahmad dan Al-Tirmizi). Hadis ini menjelaskan bahawa amal jama'i merupakan jihad yang telah disyariatkan bagi umat Islam agar sentiasa bersatu. Oleh itu, landasan pensyariaan Islam telah ditetapkan berdasar nas-nas wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT agar sentiasa berpegang pada tali yang satu.

Menurut Prof Isam Ahmad al-Bashir (1990:7), '*Amal Jama'i* atau bekerja dalam kumpulan merupakan jihad yang disyariatkan oleh Islam dan dituntut oleh keperluan secara praktikal. Justeru, sifat bekerja dalam kumpulan amat ditekankan dalam ajaran Islam. Banyak keterangan daripada al-Quran, Hadis, dan sebagainya yang menyentuh kepentingan bekerja dalam kumpulan. Antara dalil kepentingan bekerja dalam kumpulan ialah firman Allah s.w.t:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ  
الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya:

*Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang munkar, merekalah orang-orang yang beruntung.*  
(Ali-Imran: ayat 104)

## 2.0 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

'*Amal Jama'i* kurang digemari oleh para remaja dalam menggerakkan satu organisasi yang berlandaskan syariat Islam. Tetapi kini terdapat banyak gerakan Islam yang dibina dari masa ke semasa bagi memperkukuhkan ikatan antara saudara sesama Islam. Konsep amal jama'i ini secara tidak langsung melahirkan sifat makruf didalam diri seseorang untuk melakukan kebaikan dengan berjamaah. Justeru itu, amalan yang baik dapat melahirkan manusia yang baik dan mencegah kemungkaran (Hj. Yahya Othman 2006)

Amal menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* adalah adalah apa sahaja yang dilakukan, perbuatan dan pekerjaan. Amal Jama'i dari segi bahasa bermaksud sekumpulan manusia yang berhimpun bekerjasama untuk mencapai tujuan yang sama. *Al-'amalul al-jama'i* bermaksud bekerja sama berdasarkan kesepakatan kefahaman dalam tugas yang diberikan untuk memantapkan amal berdasarkan potensi yang dimiliki untuk mencapai tujuan (Yahya bin Sharaf 1983)

Statistik menunjukkan bahawa terdapat 90% gerakan Islam telah ditubuhkan agar dapat menjalinkan hubungan silaturrahim yang lebih erat. Konsep '*Amal Jama'i* ini menggunakan bahasa yang sopan dalam membangunkan satu organisasi. Namun begitu, terdapat beberapa gerakan amal jama'i yang tidak berlandaskan pensyariaan Islam. Aktiviti yang digerakan perlulah dipantau agar tidak membawa dan menyebarkan ajaran sesat (Kamarul Azmi Jasni 2005)

Disamping itu, terdapat banyak landasan wahyu yang menyeru '*Amal Jama'i*' baik didalam Al-Quran dan al-Sunnah dengan menggunakan Dhamir Jama'. Secara efektifnya menyertai tekanan dalam melakukan amal kebajikan dan membela kebenaran. Dalam konteks gerakan bersama, tindakan yang diambil oleh setiap anggota dianggap sebagai tambahan apa yang disyorkan oleh Islam. Firman Allah SWT didalam surah Ali Imran ayat 104: "Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar, mereka itulah orang-orang yang beruntung."

Maka kajian ini dijalankan bertujuan untuk menerangkan apakah konsep amal jama'i yang sebenar menurut Al-Quran dan Al-Sunnah dan kefahaman yang benar. Hal ini kerana pentingnya kefahaman dalam konteks amal jama'i gerakan Islam bagi mewujudkan masyarakat Islam yang harmoni. Sungguhpun gerakan yang menyebarkan ajaran sesat berluasa, di mana ianya tidak akan kekal, malahan mendapat kemurkaan Allah SWT. Secara tidak langsung jama'ah tersebut akan dipandang sinis oleh berjuta masyarakat yang lain. Kajian ini akan dinilai berdasarkan nas-nas Al-Quran dan Al-Sunnah yang dipancarkan oleh Rasulullah SAW.

Tambahan pula, kajian ini penting untuk memperjuangkan gerakan Islam semenjak 1400 tahun yang lalu dibawah kepimpinan Rasulullah SAW. Sebagai contoh menegakkan pemerintahan Islam, menyelamatkan diri dari kesesatan dan membuat kebajikan. Kesimpulannya, bahawa amal jama'i merupakan satu tuntutan yang panduannya disebut didalam Al-Quran yang bermaksud: Sesungguhnya orang mukmin itu bersaudara, kerana itu damaikanlah antara kedua saudaramu(yang berselisih) dan bertakwalah kepada Allah agar kamu mendapat rahmat (Surah Al-Hujurat ayat 10).

### **3.0 METODOLOGI KAJIAN**

Artikel ini bertujuan untuk mendedahkan konsep amal jama'i sebenar berdasarkan jurus kefahaman Islam berlandaskan sumber al-Quran dan al-Sunnah. Data-data kajian dikumpulkan berasaskan analisis dokumen dan dianalisa secara deskriptif.

### **4.0 TINJAUAN LITERATUR**

Hj. Yahya Othman (2010) menyatakan bahawa bidang amal Islami di seluruh dunia memperlihatkan perkembangan yang pesat samada dari sudut perluasan daerah gerakannya, maupun kejayaan-kejayaan yang dicapai. Kajiannya membuktikan bahawa amal Islami ini membawa impak yang besar dalam kalangan masyarakat dalam pegerakan satu organisasi yang baik. Walau bagaimanapun, kajiannya menerangkan tentang gerakan '*Amal Jama'i*' berlandaskan syariat Islam dan menindakkan faktor lain seperti pengaruh jamaah-jamaah luar. Fenomena ini jika dibiarkan berlanjutan bukan sahaja akan menjadi satu masalah dalaman baru gerakan Islam malah ia akan menjadi faktor berpotensi memecah-belah dan meruntuhkan gerakan dan sekaligus menjejaskan prestasi 'amal Islami secara keseluruhan. Oleh yang demikian kajian ini akan memfokuskan cara tarbiyyah dalam gerakan jamaah Islami mengikut syariat Islam.

Hamid Al-Ghazali (2011) menyatakan bahawa titik tolak dalam mendalami beberapa perkara asas yang menjadi landasan dalam agenda kebangkitan semula umat Islam berdasarkan gagasan Imam as-Syahid Hasan al-Banna (*Imam Al-Banna*). Kajian ini membuktikan bahawa pembentukan dan pembinaan sebuah bangsa, merealisasikan sebuah impian dan memperjuangkan sebuah prinsip memerlukan seluruh bangsa atau sekurang-kurangnya

sekumpulan manusia yang mahu mencapai cita-cita ini memiliki jiwa yang benar-benar kental melalui beberapa aspek iaitu kemahuan, kesetiaan, pengorbanan dan kefahaman. Walau bagaimanapun, kajiannya tidak membincangkan tentang hadith-hadith perjuangan Rasulullah s.a.w. Oleh itu kajian ini akan membincangkan kepentingan agenda kebangkitan ummah menurut pemikiran *Imam al-Banna*.

Muhammad Arif Yahya (2014) menyatakan bahawa tokoh-tokoh gerakan Ikhwan Muslimin ini sering dikaitkan dengan penggunaan al-manhaj al-haraki samada didalam tafsir atau hadith. Kajiannya membuktikan bahawa hadith merupakan sumber kedua syariat Islam dalam rujukan pelbagai lapangan termasuk di dalam lapangan harakah Islamiah (*Gerakan Islam*). Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan ialah berkaitan dengan pendekatan *Sayyid Muhammad Nuh* didalam penulisannya dan menindakkan penulisan yang lain. Oleh yang demikian kajian ini akan membahaskan lebih terperinci berkaitan ilmu hadith dan tokoh Haraki.

Waharjani (2006) menyatakan bahawa gerakan jamaah dan dakwah jamaah merupakan elemen yang penting dalam kehidupan orang Islam. Kajiannya membuktikan bahawa mematuhi ajaran Islam dengan penuh keyakinan dan mengikut landasannya akan memberi kebahagiaan dunia dan akhirat. Walau bagaimanapun kajian ini hanya merealisasikan gerakan dakwah individu dalam menerapkan jati diri. Oleh demikian kajian ini akan membincangkan tentang penerapan amal Islami dalam meneruskan perjuangan dengan mengikut syariat Islam.

Dr. Muhammad Bakir Hj.Yaakub (2014) menyatakan bahawa umat Islam perlu membangunkan model pelaksanaan Sistem Pengurusan Islam yang sesuai untuk masa kini. Kajian ini membuktikan bahawa model pelaksanaan ini mestilah berpaksikan kepada konsep-konsep utama Islam sebagai Addin. Walau bagaimanapun kajian ini lebih memfokuskan kepada pengurusan seorang muslim dalam mengaplikasikan konsep pengurusan secara berhikmah dari segi ekonomi mahupun aspek yang lain dan menindakkan faktor-faktor lain seperti pengaruh sejarah Islam yang dipimpin oleh Rasulullah s.a.w. Oleh demikian kajian ini menggariskan pengukur dalam menjalankan tugas sebagai pengurus khazanah Allah s.w.t.

Syaikh Mustafa Mashur (2008) menyatakan bahawa dakwah bersama jamaah adalah dakwah yang paling efektif dan sangat bermanfaat bagi Gerakan Islam. Kajiannya membuktikan bahawa melaksanakan dakwah secara berjamaah memberi impak yang besar dalam menghidupkan Islam yang harmoni. Walau bagaimanapun, kajiannya lebih memfokuskan pada ayat Al-Quran sahaja yang berkaitan menyeru kebaikan dan mencegah dari perkara-perkara yang mungkar. Oleh yang demikian kajian ini akan membincangkan tentang kepentingan amal jama'i dalam menjalankan sesuatu organisasi berlandaskan syariat Islam.

Wan Na A/P Eh Tem (2013) menyatakan bahawa iklim organisasi merupakan suatu jangka masa dan mempengaruhi tingkah laku dalam organisasi. Kajiannya membuktikan bahawa struktur dalam sesebuah organisasi dapat melahirkan pekerja yang lebih bermotivasi, bertenaga dan bersemangat sehingga mempengaruhi persekitaran organisasi. Walau bagaimanapun kajian ini memfokuskan hubungan antara iklim organisasi dan prestasi kerja dan menindakkan faktor lain seperti pengaruh dan cabaran media luar. Oleh yang demikian seseorang yang produktif dengan sesuatu kerja akan mencapai objektif dan matlamat dalam organisasi.

Abdul Rahman (2015) menyatakan bahawa '*Amal Jama'i*' merupakan suatu kerja yang mendatangkan keuntungan, keberkatan dan juga faedahnya. Kajiannya membuktikan penerapan konsep kerja secara amal jama'i yang disusun dengan penuh strategi memudahkan mereka menghadapi ujian dan dugaan hidup. Walau bagaimanapun, kajiannya ialah berkaitan

dengan kepentingan dalam melakukan amal jama'i dalam setiap individu dan tidak menjelaskan secara terperinci tentang kaedahnya untuk melakukannya. Oleh yang demikian, konsep amal jama'i adalah sesuatu yang diakui oleh semua orang tentang kebajikannya, jika dibandingkan dengan sesuatu kerja yang dilakukan secara bersendirian.

Nurazmallail Marni (2007) menyatakan bahawa sifat bekerja dalam kumpulan merupakan perkara utama yang perlu ada pada setiap graduan. Kajiannya membuktikan bahawa pendidikan sifat bekerja dalam kumpulan perlu dimulakan daripada institusi kekeluargaan dan penekanan di institusi pengajian tinggi sebelum graduan melangkah ke alam pekerjaan. Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan oleh Nurazmallail Marni ialah berkaitan pembangunan sifat bekerja dalam kumpulan (*teamworking*) sebagai alat utama graduan IPT menurut perspektif Islam dan menidakkan faktor lain seperti pengaruh rakan sebaya. Oleh yang demikian kajian ini akan memfokuskan sifat bekerja dalam kumpulan (*teamworking*) terhadap pelajar-pelajar IPT.

Mahmus Muhammad Jauhar (1980), bukunya yang bertajuk *Al-Akhawat Al-Muslimat wa Bina Al-Usrah Al-Quraniyah atau Akhwat Muslimat dan Pembinaan Keluarga Qur'ani* menjelaskan tentang kedudukan wanita sebagai penentu bahagi masa depan peradaban manusia. Oleh kerana itu beliau menegaskan untuk membina para wanita secara Islami sesuai dengan pentunjuk Allah dan Rasul-Nya. Tulisan ini mendapat aspirasi dari program usrah yang telah dilaksanakan oleh Hasan al-Banna dalam menjalankan usahanya untuk mengembalikan ajaran Islam kepada negeri Mesir.

Abu Sufian Abd. Ghani (1992) menyatakan bahawa idea-idea *Imam Hasan al-Banna* merupakan pendekatan terhadap pembinaan peradaban ummah. Walau bagaimanapun, kajiannya ini memfokuskan kepada tiga aspek utama. Pertama pemikiran dan idea-idea yang dikemukakan oleh *Hasan Al-Banna* dalam usaha pembinaan peradaban ummah. Kedua, menjelaskan pendekatan-pendekatan yang digunakan *Hassan al-Banna* dalam usaha merealisasikan idea-idea dan pemikiran beliau. Ketiga, melihat sejauh mana reaksi dari pelbagai pihak sama ada mereka yang menyokong mahupun yang menentang idea-idea dan pemikiran dan juga pendekatan-pendekatan yang dilaksanakan.

Secara amnya, kajian ini merumuskan bentuk kefahaman amal jama'i menurut perspektif Al-Quran dan al-Sunnah yang menyuluruh sebagaimana yang diperjuangkan Rasulullah s.a.w dalam kalangan para sahabat adalah sesuatu yang perlu dikaji dan dipersembahkan kepada masyarakat hari ini yang hanyut dengan pemikiran secular, sebagaimana yang dihadapi oleh masyarakat semasa hayatnya dipermulaan abad ke-20.

## **5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN**

Dapatan kajian diperbincangkan sebagaimana berikut.

### **5.1 PENGERTIAN AMAL JAMA'I**

Di dalam kamus Mawrid Amal Jama'I membawa maksud Team Work (kerja berpasukan). Justeru, perkataan 'Amal Jama'I apabila dipisahkan kepada dua bahagian iaitu 'Amal dan Jama'I mempunyai maksud yang tersendiri. Amal merujuk kepada perwujudan dari sesuatu yang menjadi harapan jiwa, baik berupa ucapan, perbuatan anggota badan ataupun perbuatan hati. 'Amal harus berdasarkan niat, tiada amal tanpa niat. Setiap Amal dinilai oleh Allah berdasarkan niat. Amal juga dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu amal jariah, amal ibadah dan amal soleh. Secara umumnya, 'Amal yang merujuk kepada ibadah, bermaksud semua kegiatan sama ada penulisan ataupun perbuatan, baik berupa ucapan mahupun tindakan yang

nyata mahupun yang tersembunyi yang ditujukan dan diniatkan untuk mengabdikan diri kepada Allah. Firman Allah SWT dalam surah Al-Dharyat ayat 56 :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya : Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan kepadaKu.

Syarat sah 'Amal ada dua, pertamanya ialah ikhlas dan keduanya Amal ibadah dalam erti khusus dilakukan sesuai dengan tuntutan Al-Quran dan Al-Sunnah. Namun Amal yang umum hendaklah dilakukan berdasarkan ilmu pengetahuan. Manakala perkataan jama'ah atau jama'i diambil daripada perkataan arab jama'a yang membawa maksud mengumpul sesuatu dari berpecah dan berselerak. Selain itu, daripada perkataan jama'a juga lahir perkataan jama'ah yang dikaitkan dengan sekumpulan manusia dan merujuk kepada bilangan yang banyak. Lisan al-Arab ada menyebut bahawa Allah memerintahkan orang beriman melakukan sesuatu pekerjaan secara 'Amal Jama'i, hal ini kerana ia merupakan sunnah Nabi Muhammad S.A.W. Justeru itu, perkataan 'Amal Jama'i apabila digabungkan membawa maksud kerja yang dilakukan secara berpasukan dan bersama-sama.

Pengertian 'Amal Jama'i dari sudut istilah dapat disampaikan daripada pelbagai definisi yang dikemukakan oleh para ulama dan sarjana Islam. Mustafa Masyhur dalam kitabnya Al-'Amal Al-Jama'i menyebut bahawa yang dikatakan 'Amal Jama'i itu ialah sesuatu yang dirancang oleh pasukan yang mempunyai peraturan, sistem yang rapi dan selaras dengan prinsip yang telah digariskan bagi mencapai matlamat yang dicita-citakan. 'Amal Jama'i adalah sesuatu kerja yang dilakukan oleh sekumpulan manusia yang bekerjasama dalam satu misi dan objektif yang sama bagi menjayakan matlamat organisasi. 'Amal Jama'i bukan sahaja mengambil kira dari segi bilangan anggota pasukan, malah memiliki organisasi yang tersusun dan berperaturan di semua peringkat.

Terdapat pelbagai pengertian yang berbeza bagi memahami 'Amal Jama'i ini. Namun pendefinisian tersebut hanya menyentuh tentang kerja berpasukan yang melibatkan aspek fizikal dan material. Sebaliknya ada juga definisi yang menyentuh aspek fizikal, material dan spiritual. Al-Shamibi mendefinisikan perkataan jamaah sebagai sekumpulan sahabat tetapi tidak termasuk generasi sesudahnya. Kumpulan sahabat ini adalah golongan yang menegakkan dan mengukuhkan agama serta tidak melakukan kesesatan. Ibn Hajar al-Asqalani mendefinisikan al-Jamaah dengan makna yang lebih luas, di mana merangkumi di dalam pengertiannya ahl al-Fiqh dan ahl al-Hadith dikalangan Mujtahidin. Ibn Athir pula mendefinisikan Jamaah sebagai satu kelompok yang besar al-Suwad al-A'zam, iaitu kumpulan manusia yang kebanyakannya bersepakat dalam mentaati pemerintah dan mengikut jalan yang lurus. Menurut Abdul Wahab al-Daylami, yang dimaksudkan jamaah ialah setiap kumpulan atau pasukan yang melaksanakan sesuatu pekerjaan mestilah bertepatan dengan kehendak Allah. Oleh itu, setiap amalan yang dilakukan oleh pasukan bukan hanya dilihat dari aspek fizikal dan material semata-mata, sebaliknya turut dilihat dari sudut spiritual. Oleh yang demikian, 'Amal Jama'i merupakan suatu perkara yang penting kerana dengannya akan lahir kelompok manusia yang bersatu padu, hidup dalam kesatuan dan saling kasih mengasihi diantara satu sama lain. Daripada Anas ra, sabda Rasulullah S.A.W :

لا يؤمن أحدكم حتى يحب لأخيه ما يحب لنفسه

Terjemaahan: Tidak sempurna iman seseorang sehinggalah dia kasih kepada saudaranya sepertimana dia mengasihi dirinya sendiri.

Hadis ini menerangkan bahawa kesempurnaan iman seseorang itu adalah terletak kepada bagaimana individu itu mampu mendahului kepentingan diri sendiri ketika melakukan suatu ketaatan, kebajikan dan sebagainya mengikut perintah Allah. Justeru itu, seseorang individu sudah pasti memahami peranannya dalam pasukan dan tidak wujud perasaan mementingkan diri sendiri. Maka menjadi tanggungjawab untuk membina generasi yang memahami tuntutan agama di dalam setiap pekerjaan yang diceburi. Ianya merangkumi keseluruhan aspek kehidupan sama ada keperluan fizikal mahupun keperluan spiritual. Generasi yang cemerlang sudah pasti lahir daripada ‘Amal Jama’i yang bermatlamatkan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Beramal bukan hanya untuk menempa kemasyhuran, pujian dan sanjungan manusia semata-mata, sebaliknya untuk mencari keredaan Allah SWT.

## 5.2 AMAL JAMA’I TUNTUTAN ISLAM

Islam amat memberi penekanan kepada ‘Amal Jama’i dalam setiap kegiatan hidup sama ada bersifat keagamaan ataupun keduniaan. Disini dapat dilihat bahawa kepentingan kerja secara ‘Amal Jama’i menjadi suatu kewajiban kepada setiap muslim. Dimana amalan yang digalakkan supaya dilakukan secara berjemaah seperti solat, puasa, menunaikan haji dan umrah dan sebagainya yang melibatkan kehidupan harian individu tersebut. ‘Amal Jama’i yang perlu difahami dalam Islam bukan hanya dikaitkan dengan suatu kerja yang melibatkan peningkatan produktiviti serta pencapaian sesebuah organisasi semata-mata. Malah, konsep ‘Amal Jama’i dalam Islam adalah luas dan tidak terhad kepada mana-mana pasukan atau organisasi semata-mata, sebaliknya menyetuh aspek kemanusiaan yang melahirkan insan berkualiti dari sudut keperibadian, pengamalan dan penghayatan sesuatu ibadat.

Para sahabat terdahulu berpegang erat dengan ‘Amal Jama’i dalam setiap kegiatan agar memperolehi kekuatan semangat yang ketal dan memperolehi kejayaan bersama. Mereka begitu cemerlang dalam semua aspek yang diceburi dan pada masa yang sama mereka membawa prinsip hidup bahawa setiap amalan yang dilakukan tidak lain hanya kerana mencari keredaan Allah. Sesungguhnya, perbuatan mereka mendapat pengiktirafan dari Allah SWT menyifatkan mereka adalah orang yang beriman dan beramal soleh bahkan dijanjikan sebaik-baik tempat kepada mereka. Firman Allah SWT dalam surah al-Bayyinah ayat 7-8:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَٰئِكَ هُمْ خَيْرُ الْبَرِيَّةِ ﴿٧﴾ جَزَاءُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ جَنَّاتُ عَدْنٍ تَجْرِي  
مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ۖ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ ۚ ذَٰلِكَ لِمَنْ خَشِيَ رَبَّهُ ﴿٨﴾

Bermaksud: Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh, mereka itu adalah sebaik-baik makhluk. Balasan mereka di sisi Tuhan mereka ialah syurga 'Adn yang mengalir di bawahnya sungai-sungai mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Allah meredhai mereka dan merekapun redha (di atas nikmat pemberianNya) kepadanya. Balasan yang demikian itu adalah bagi orang yang takut kepada Tuhannya.

Tujuan dan matlamat dalam bekerja dengan baik yang menjurus kepada mengangkat martabat ummah adalah sesuatu yang dituntut dalam Islam. Perjuangan dalam ‘Amal jama’i yang dirancang oleh sekelompok manusia yang mendapat pentarbiahan agama yang secukupnya akan menegakan tamadun Islam. Maka, tidak akan ada perasaan bekerja hanya untuk kepentingan peribadi sebaliknya memastikan sahabat-sahabat yang lain turut mengecapi kepuasan, keseronokan dan kejayaan dalam melaksanakan tugas yang telah

direncanakan. Malah dapat dilihat semangat dan kasih sayang dalam penghayatan sunnah Nabawi dalam kehidupan mereka. Perkara ini dilakukan dengan penuh keihlisan, meskipun terpaksa mengadai kemahuan serta kepentingan peribadi mereka. Firman Allah SWT dalam surah al-Hashr ayat 9:

وَيُؤْتُونَ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ

Bermaksud: *Dan mereka mengutamakan (orang-orang muhajirin), atas diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam kesusahan.*

Sebenarnya, kesyukuran Islam itu sendiri meletakkannya sebagai sumber yang paling utama yang boleh dijadikan ukuran untuk melihat sejauhmana keberkesanan ‘Amal Jama’i. Islam tidak menilai sesuatu kejayaan itu hanya menurut persepsi, kelaziman, kebiasaan, pembudayaan dan pengalaman sesuatu bangsa. Sebaliknya, yang menilai kejayaan itu adalah berdasarkan panduan agama itu sendiri. Melalui al-Quran dan al-Sunnah, Islam meletakkan pembentukan masyarakat yang berjaya ialah mereka yang sentiasa mengutamakan hubungan dengan Allah SWT. Oleh demikian, hubungan sesama manusia dan hubungan sesama makhluk lain merupakan asas kepada kekuatan ummah.

Konsep keimanan kepada Allah dan Rasulullah S.A.W mengikat setiap insan agar mengatur hubungan tersebut berasaskan tauhid, di mana setiap perbuatan mereka itu, dinilai disisi Allah, sama ada penilaian itu dalam bentuk rohani mahupun jasmani. Menurut Sidek Baba, dalam pengerusan hidup, proses menyempurnakan amanah mestilah dikaitkan dengan elemen tauhid iaitu ihsan dan insan. Ihsan memerlukan hubungan yang berterusan dengan Allah, manakala insan pula, memerlukan hubungan sesama manusia. Ia akan melengkapkan sistem kehidupan manusia yang tidak lari dari keperluan spiritual dan material. Justeru itu, lahirah panduan yang jelas dan kaedah yang tepat terhadap matlamat kejadian manusia itu sendiri sebagai orang yang diamanahkan untuk memakmurkan bumi dengan agama. Oleh itu, Islam meletakkan kebersamaan dalam melaksanakan kerja secara ‘Amal Jama’i adalah penting dan setiap keputusan dibuat secara bersama. Perintah Allah dalam melaksanakan setiap kerja dan membuat keputusan secara berjema’ah, jelas disebut dalam Firmannya surah al-Shura ayat 38:

وَالَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ

Maksudnya: *Dan segala urusan kerja mereka dilakukan secara bermesyuarat sesama mereka.*

Selain itu, Allah sentiasa bersama orang yang inginkan kesejahteraan dalam hidup mereka mengikut acuan yang disediakan oleh Allah SWT. Setiap perbuatan dan tindakan mereka tidak lari daripada panduan yang ditetapkan melalui sumber yang diketahui umum, sama ada al-Qur’an, sunnah, ijmak dan qias. Seruan Allah di dalam al-Qur’an juga tidak memfokuskan kepada individu tertentu kecuali para Rasulnya dan selebihnya disebut wahai beriman dengan lafaz jamak. Hal ini menjelaskan bahawa agama Islam lebih mengutamakan sesuatu kerja atau amal secara berjemaah. Oleh yang demikian, ummah ini dilihat sebagai ummah yang kuat seperti generasi terdahulu apabila setiap pekerjaan dilakukan dengan asas dan panduan yang kukuh daripada agama Islam. Justeru, kerja secara berjemaah adalah sebagai tuntutan hidup yang menjadi pemangkin bagi memastikan perancangan yang dibuat mencapai sasaran dan matlamat yang sebenar. Firman Allah SWT dalam surah Ali ‘Imran ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۗ وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُم مِّنْهَا ۚ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ ءَايَاتِهِ ۚ لَعَلَّكُمْ يَهْتَدُونَ ﴿٢٧٠﴾

Terjemahannya: Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai, dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulu (masa Jahiliyah) bermusuh-musuhan, Maka Allah mempersatukan hatimu, lalu menjadilah kamu kerana nikmat Allah, orang-orang yang bersaudara; dan kamu telah berada di tepi jurang neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu dari padanya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepadamu, agar kamu mendapat petunjuk.

Ikatan akidah yang kuat dapat menyatukan umat ini dalam melaksanakan tugas harian mereka. Dalam sejarah, Islam membuktikan bahawa kejayaan sesebuah persatuan atau jemaah itu bukan hanya di atas semangat dan kekuatan material semata-mata, yang akhirnya melahirkan generasi yang gagal menemui kepuasan, kejayaan dan keseronokan dalam hidup mereka. Bekerja secara ‘Amal Jama’i mempunyai kesanggupan untuk menghadapi kesukaran dan cabaran hidup walaupun berdepan dengan bahaya yang menanti. Perkara ini, terbukti berlaku kepada sahabat yang bernama Suhayib al-Rumi yang meninggalkan harta kekayaannya di Mekah setelah dihalang berhijrah. Justeru, demi menjayakan misi hijrah bersama Nabi S.A.W. Justeru, sikap yang ditunjukkan oleh para sahabat nampak jelas, apabila kesenangan yang diperolehi akan dinikmati bersama, sebaliknya setiap kepayahan yang dilalui akan diharungi bersama. Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 2:

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَشْرِي نَفْسَهُ أَبْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَاللَّهُ رَءُوفٌ بِالْعِبَادِ ﴿٢٧١﴾

Terjemaahan: Dan di antara manusia ada orang yang mengorbankan dirinya untuk mencari kerediaan Allah dan Allah Maha Penyantun kepada hamba-hamba-Nya.

Kerja secara ‘Amal Jama’i yang dilakukan bukan hanya sekadar dilakukan semata-mata bahkan menjadi realiti dalam kehidupan. Islam meletakkan asas akidah, syariah dan akhlak sebagai pegangan kepada umat ini, jika mereka ingin memperolehi kejayaan. Malah setiap kerja yang dilakukan dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi agar matlamat duniawi dan ukhrawi dicapai oleh umat ini. Bertapaknya tiga asas penting dalam Islam bagi mendapat suntikkan semangat dan kerjasama iaitu akidah, syariah dan akhlak dalam diri mereka. Selain itu, pemahaman yang betul dalam agama membuatkan mereka saling berpadu dalam melakukan tindakan secara ‘Amal Jama’i. Justeru, kerja secara berjemaah adalah tuntutan dalam Islam. Umat kini perlu melihat kembali kecemerlangan umat yang terdahulu adalah berasaskan kepada kerja secara ‘Amal Jama’i dan memperolehi banyak manfaat dan kebaikan.

Tuntutan supaya bersama Jemaah adalah sampai kepada tahap kita tinggal keseorangan walaupun jemaah atau pasukan yang dibentuk itu telah hilang matlamatnya asal. Namun demikian, seruan supaya iltizam dengan Jemaah masih lagi dituntut atas dasar yang telah dilaksanakan oleh Jemaah yang wujud sebelum berlakunya penyelewengan. Nabi Muhammad S.A.W sendiri mendedahkan keperluan ‘Amal Jama’i seperti hidup dalam sebuah kapal, yang memerlukan kerjasama daripada semua pihak agar pelayaran yang dibuat berjaya mencapai matlamatnya dan tidak terkandas dalam perjalanan. Dimana tidak wujud

individu yang mementingkan dirinya sendiri sehingga sanggup menebuk kapal yang akhirnya kesemua orang di atas kapal mati kelemasan. Sirah Rasulullah S.A.W banyak mengajar kita erti pengorbanan, persaudaraan dan keyakinan dalam setiap perkara demi mencapai redha Allah SWT. Oleh itu perjuangan Islam perlu dilaksanakan secara ‘Amal Jama’i dengan strategi yang baik dan rapi agar memperolehi perjuangan yang direndhai Allah dan dikurniakan kemenangan di dunia dan diakhirat.

### 5.3 PANDANGAN SARJANA ISLAM BERKAITAN AMAL JAMA’I

‘Amal Jama’i selalunya dikaitkan dengan unsur dakwah dalam menentukan keberkesanan aktiviti yang dilakukan. ‘Amal Jama’i ini adalah salah satu perkara yang perlu wujud dalam kerja amal Islami begitu juga dakwah dalam menyeru dan mengajak manusia membuat kebaikan. Dakwah merupakan satu seruan mengajak manusia ke jalan Allah dengan penuh hikmah dan memberi peringatan yang baik ke arah mengeluarkan manusia dari kegelapan jahiliah kepada cahaya Islam. Selain itu ia juga merupakan satu proses perubahan dan transformasi dari segala keburukan dan kerosakan kepada pencerahan jati diri hingga terbentuk satu ummah Islamiah. Perkara ini merangkumi keseluruhan hidup manusia baik untuk kerja duniawi mahupun ukhrawi bagi mewujudkan ‘Amal Jama’i yang baik dan sempurna. Oleh demikian, bagi memenuhi keperluan dalam satu pergerakan perlu melantik seorang ketua bagi memudahkan proses pengurusan gerak kerja. Justeru itu, lahirlah ‘Amal Jama’i yang mempunyai seorang ketua atau pemimpin yang dipercayai untuk membuat setiap keputusan dan perbincangan dalam segala gerak kerja bersama dan meletakkan keyakinan sepenuhnya kepada Allah SWT. Firman Allah dalam surah al-Fussilat ayat 33:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٣٣﴾

Terjemahannya: siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah, mengerjakan amal yang soleh, dan berkata: "Sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang menyerah diri?"

Para ulama’ Islam banyak memberi pandangan dan pendapat dalam konsep ‘Amal Jama’i ini yang dituntut oleh Islam. Menurut Mustafa Mashhur berpendapat bahawa ‘Amal Jama’i adalah suatu keputusan secara berjemaah yang selaras dengan manhaj atau sistem yang ditentukan bersama bertujuan untuk mencapai matlamat yang dirancang bersama. Beliau menyatakan bahawa, ‘Amal Jama’i itu tidak akan mampu dilakukan tanpa wujudnya Jemaah yang menyelenggara serta memantau usaha-usaha persendirian yang digerakkan dan diaturkan melalui garis panduan tentang kaedah, cara dan daya kemampuan individu tersebut melakukan kerja yang diamanahkan. ‘Amal Jama’i menurut Sa’id Hawa pula tidak akan terlaksana jika wujudnya sifat mementingkan diri sendiri, tidak ada pengorbanan harta benda, jiwa dan tenaga dalam diri seseorang. Justeru itu, seseorang muslim perlu mempunyai sifat ‘Amal Jama’i dalam setiap pergerakan atau organisasi untuk mencapai matlamatnya.

‘Amal Jama’i merupakan suatu unit dalam organisasi yang berinteraksi untuk berkongsi maklumat dan keputusan bagi membantu ahli-ahli kumpulan menjalankan tugas dalam sempadan tanggungjawab yang telah ditetapkan pada setiap individu. Menurut Abdullah Azam, setiap insan yang bergelar muslim semestinya bergerak dalam jemaah, kerana misi jihad tidak akan sempurna melainkan dilakukan melalui Jemaah atau pasukan. Manakala menurut Yusuf al-Qardawi berpendapat bahawa, ‘Amal Jama’i ini suatu keperluan bagi menghadapi tuntutan hidup, seperti menyuruh bekerjasama dalam melaksanakan perkara kebajikan dan ketaqwaan. Di dalam penggabungan usaha dan tenaga bagi menyelaraskan

sesuatu matlamat adalah merupakan elemen yang mampu mengukuhkan 'Amal Jama'i. Bermula daripada menggabungkan diri dalam jama'ah adalah wajib syar'i, seterusnya patuh kepada Ulul-Amri dalam jama'ah adalah wajib syar'i. Maka urutan kepada inilah, setiap muslim hendaklah bersama-sama berusaha supaya perasaan tanggungjawab dalam jamaah dipertingkatkan lagi bagi mengukuhkan 'Amal Jama'i dalam gerakan Islam.

Haron Taib menyatakan sesuatu amal (pekerjaan) tidak mungkin dapat direalisasikan secara perseorangan, melainkan melalui Jemaah yang mampu menggerakkan 'Amal Jama'i secara tersusun rapid an sistematik. Selain itu, Muhammad Uthman el-Muhammadi menyatakan bahawa 'Amal Jama'i adalah sesuatu kerja yang dituntut oleh Islam dan mampu menghasilkan keberkesanan dan kejayaan terhadap apa yang dirancang. Segala gerak kerja anggota jama'ah mestilah menguntungkan ahlinya, jika sebaliknya hendaklah dihindarkan, sama ada gerak kerja lidah atau perbuatan, semuanya menjadi tanggungjawab setiap muslim perlu mengambil perhatian dalam 'Amal Jama'i. Sebagai contoh bekerja dengan ikhlas untuk mendapat keredhaan Allah semata, begitu juga keta'atan dan kepatuhan kepada jama'ah adalah kepatuhan terhadap Allah dan Rasul.

Menurut Sidik Baba, konsep manusia sebagai khalifah melahirkan insan yang memerlukan kerja secara 'Amal Jama'i, di mana manusia perlu mengurus diri dan mengurus sistem kehidupannya yang lahir daripada amanah yang diberikan kepada mereka. Proses menyempurnakan amanah melahirkan dua suasana yang mesti dilalui oleh insan iaitu hubungan dengan Allah dan hubungan dengan manusia. Natiujahnya daripada 'Amal Jama'i akan membuahkkan hubungan yang berasaskan taqwa. Malah keputusan yang dibuat juga berasaskan syura dan gerak kerja pula berasaskan usaha dan tawakkal. Selain itu, Mohd Yusof Hj Othman berpendapat bahawa pasukan adalah merupakan suatu yang penting disebabkan keperluan terhadap tugas yang hendak dilaksanakan dalam bentuk 'Amal Jama'i atau organisasi yang tidak mampu dilaksanakan tanpanya bagi menggerak masyarakat untuk mencapai misi dan visi yang telah ditetapkan. Manakala Sharifah Hayati menyatakan bahawa, terdapat hikmah di sebalik bekerja sebagai satu pasukan di mana setiap usahawan dapat mengecapi kejayaan secara bersama dan dalam masa yang sama dapat melahirkan pekerja yang bertanggungjawab. Oleh demikian seorang muslim mesti ada di dalam jama'ah Islamiyyah, menjaga rukun jama'ah Islamiyyah adalah wajib, ta'at, patuh dan bersabar menerima apa-apa jua arahan kepimpinan merupakan perkara asas dalam melakukan gerak kerja secara 'Amal Jama'i. Justeru itu, kepimpinan jama'ah hendaklah diletakkan di atas kepentingan peribadi, gerak kerja ahli akan dikira sebagai membantu atau meruntuh jama'ah, dari sinilah setaip individu memperoleh kefahaman rahsia Allah SWT memberitahu Nabi S.A.W dengan firmanNya dalam surah Al-Muzzammil ayat 5:

إِنَّا سَنُلْقِي عَلَيْكَ قَوْلًا ثَقِيلًا ﴿٥﴾

Terjemahannya: Sesungguhnya kami akan menurunkan kepadamu Perkataan yang berat.

#### **5.4 ELEMEN UTAMA DALAM 'AMAL JAMA'I**

Tujuan dan matlamat perjuangan sentiasa menuntut kita melakukan muhasabah supaya perjuangan kita diterima, direstui oleh Allah SWT dan mendapat pertolongan daripadanya. Dalam sesebuah pertubuhan atau organisasi, pengurusan adalah satu mekanisme penting bagi mencapai matlamat organisasi. Setiap gerak kerja yang dilakukan perlu ikhlas dan mempunyai niat yang benar kerana Allah, menuntut keredhaannya dengan menegakkan agamaNya sehingga didaulatkan di dalam Negara yang melaksanakan hukum syari'atNya.

Segala perjuangan untuk menegakkan Islam perkara pertama adalah niat yang ikhlas. Firman Allah SWT dalam surah Al-Bayyinah ayat 5 ada menyebut:

وَمَا أَمْرُو إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ

الْقِيَمَةِ

Terjemahan: Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah dengan ikhlas ketaatan kepada-Nya dalam (menjalankan) agama yang lurus dan supaya mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat dan yang demikian itulah agama yang benar.

Sabda Rasulullah S.A.W:

إنما الأعمال بالنيات وإنما لكل امرئ ما نوى فمن كانت هجرته إلى الله ورسوله فهجرته إلى الله ورسوله ومن كانت هجرته لدنيا يصيبها أو امرأة ينكحها فهجرته إلى ما هاجر إليه.

Sesungguhnya semua ‘amalan itu mestilah dengan niat, dan sesungguhnya bagi tiap-tiap seseorang itu menurut apa yang ia niatkan, maka sesiapa yang berhijrah kerana Allah dan rasulNya maka hijrahnya itu mendapat kelebihan kerana Allah dan rasulNya, dan sesiapa yang berhijrah kerana dunia yang menjadi tujuannya atau perempuan yang hendak dikahwininya maka berhijrahlah ia menurut tujuannya itu (tidak mendapat pahala).

Apabila mengikhhlaskan niat kerana Allah semata-mata, maka mestilah membersihkan hati daripada sifat-sifat yang merosakkan niat seperti riya’, ‘ujub dan sum’ah dan apa-apa jua tujuan kebendaan. Oleh demikian pengkaji mendapati bahawa ‘Amal Jama’i mempunyai elemen yang utama dalam menjayakan matlamat dalam organisasi. Elemen tersebut merupakan asas yang penting dan menjadi teras yang kukuh dalam pergerakan ‘Amal Jama’i. Elemen tersebut adalah melibatkan kepercayaan, perkongsian, persaudaraan dan komitmen. Elemen-elemen ini bukan hanya menjadi teras kepada ‘Amal Jama’i yang berbentuk material, malah memberi ganjara yang berbentuk spiritual yang mampu memperkukuhkan sesebuah organisasi mahupun pasukan. Justeru perkara seperti ini mampu melahirkan anggota ahli yang cemerlang dalam ‘Amal Jama’i.

Menurut Sharifah Hayati bagi melahirkan pekerja yang cemerlang melalui kerja berpasukan, maka pekerja atau setiap individu itu mestilah mempunyai aspek-aspek berikut:

- i. Peningkatan kualiti diri melalui ilmu, kemahiran dan pengalaman.
- ii. Peningkatan karisma kepimpinan dalam kerja berpasukan dengan menjadikan prinsip utama kepimpinan dalam Islam melalui amalan syura, adil dalam memimpin dan kebebasan mesyuarat pandangan demi kepentingan bersama.
- iii. Peningkatan nilai akhlak yang dipupuk melalui sikap dan pemikiran terbuka, positif, tabah, sabar, tolak-ansur dan saling bantu membantu.
- iv. Peningkatan komunikasi yang berkesan dalam Islam adalah melalui komunikasi secara sopan dan lemah lembut, membina, komunikasi pujian, sokongan dan kritikan.
- v. Peningkatan strategi kerja yang utama, seperti perancangan, pemantauan berterusan dan penambahbaikan yang berterusan.
- vi. Peningkatan pengabdian diri melalui sujud, doa, zikir dan tawakal kepada Allah dalam melaksanakan tanggungjawab demi mendapat keredhaan dan keberkatan Allah SWT.

Berdasarkan perkara di atas ia merupakan satu aset yang penting bagi memastikan gerak kerja 'Amal Jama'i berjalan dengan baik. Hakikatnya adalah seperti yang dilaksanakan oleh Rasulullah S.A.W bersama para sahabat pentingnya elemen seperti kepercayaan, perkongsian, persaudaraan dan komitmen dalam 'Amal Jama'i. Pencapaian gerak kerja yang dilakukan adalah berdasarkan pengalaman para sahabat terdahulu mengikut kebolehan masing-masing. Amalan perkongsian melalui syura dan kebebasan menyatakan pendapat masing-masing merupakan satu proses yang baik bagi menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul. Nilai akhlak yang menjadi banteng kepada kekuatan iman, menandakan para sahabat terdahulu telah mendapat didikan yang hebat daripada Rasulullah S.A.W. Malah kebijaksanaan berinteraksi sesama mereka juga, melancarkan perjalanan hijrah yang telah dirancang. Justeru itu, amanah yang diberi dan diikat dengan iman lantas melaksanakannya menjanjikan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Oleh itu, setiap gerak kerja yang dilakukan perlu mempunyai strategi dan sentiasa teliti agar perancangan yang dibuat mencapai matlamat.

## 6.0 KESIMPULAN

Kerja yang dilakukan secara berjamaah atau berpasukan (Amal Jama'i) lebih mendapat banyak faedahnya jika dibandingkan kerja secara bersendirian. Di dalam hadith Nabi Muhammad S.A.W telahpun disebut perumpamaan yang jelas tentang kelebihan bermuafakat dalam jamaah serta kekuatannya, seolah-olah kawan kambing yang tidak mampu dimakan serigala yang garang akan tetapi serigala tersebut mampu untuk makan serta membaham salah seekor daripada kawan kambing tersebut yang terpisah daripada kelompoknya. Oleh yang demikian, konsep 'Amal Jama'i adalah sesuatu yang diakui oleh semua orang tentang kebaikannya, jika dibandingkan dengan sesuatu kerja yang dilakukan secara bersendirian. Sejarah telah membuktikan bahawa umat terdahulu mengecapi kejayaan terhadap perancangan yang dibuat adalah secara berjamaah. Bahkan galakan itu dituntut supaya sentiasa berada dalam jamaah dalam apa keadaan sekalipun dan menepati apa yang dikehendaki Rasulullah S.A.W serta mereka yang diiktiraf dikalangan sahabat, tabi'in dan para ulama. Para Nabi, sahabat, salaf al-salih dan para ulama melaksanakan kerja secara berjamaah sama ada ketika senang ataupun ketika menghadapi kesusahan. Penerapan konsep kerja 'Amal Jama'i yang diaturkan dengan penuh strategi memudahkan mereka menghadapi ujian dan dugaan hidup. Sebagai contoh pakatan Nabi Musa dan Haron menghadapi Firaun seperti yang dirakamkan dalam al-Qur'an menggambarkan kesan kerja dan permuafakatan yang memberi keputusan yang baik walaupun terpaksa berhadapan dengan keangkuhan Firaun yang zalim ketika itu. Setiap kerja yang dilaksanakan adalah bersumberkan kepada wahyu Allah sebagai rujukan kepada mereka.

Agama Islam semenjak daripada dahulu menjanjikan kejayaan kepada penganutnya yang sentiasa meletakkan sumber rujukan utama iaitu kitab dan panduan para Rasul bagi menghadapi kehidupan duniawi dan ukhrawi. Setiap pekerjaan yang dilakukan sudah semestinya ada tempat sandaran yang menjadi panduan mereka. Kedatangan para Rasul itu sendiri memperlihatkan umat ini amat memerlukan kepada panduan dan tunjuk ajar bagi merealisasikan kehidupan mereka sebagai manusia yang bertamadun. Firman Allah SWT dalam surah Al-Ahzab ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Terjemahan: Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan Dia banyak menyebut Allah.

Menurut al-Qurtubi, yang dimaksudkan dengan qudwah (ikutan) itu adalah merujuk kepada Nabi Muhammad S.A.W sebagai ikutan dalam semua keadaan sama ada yang melibatkan pekerjaan baginda mahupun percakapannya. Justeru, setiap perancangan dan strategi dalam sesebuah organisasi yang ada, tidak akan terlaksana tanpa wujudnya panduan yang jelas. Ini menggambarkan setiap pekerjaan yang dilakukan hendaklah dilaksanakan meneurut sumber yang jelas dan berotoriti. Oleh yang demikian, kefahaman terhadap ‘Amal Jama’i yang dinaungi syariat perlu untuk dipraktikkan, dihayati serta diamalkan oleh umat Islam. Justeru itu, mereka dapat memahami setiap kerja yang dilakukan itu adalah ibadah yang mendapat ganjaran duniawi dan ukhrawi.

## RUJUKAN

Dr. ‘Abdullah bin Muhammad bin ‘Abdurrahman bin Ishaq Alu Syaikh. M. ‘Abdul Ghoffar E.M. Jumadil Awwal 1429 H/ Mei 2008 M. *Tafsir Ibnu Katsir*. Jilid 2. Pustaka Imam As-Syafi’i.

Ustaz Yahya Haji ‘Othman. 2012. *Amal Jama’i Gerakan Bersama*. Siri 2. Dewan Pustaka Fajar.

Mustafa Masyhur. 2009. *Kesatuan ‘Amal Islami dalam Sebuah Negara*. ter. Mansor Yahya. Selangor. Dewan Pustaka Fajar.

Mustafa Masyhur. 1985. *‘Amal Jama’iyy*. Jld. 1. ter. Abdullah Abd. Kedah. Pustaka Ikhwan.

Sa’id Hawwa. 2006. *Memahami Prinsip-Prinsip Amal Islami*. ter. Mohd. Darus Sanawi. Selangor. Dewan Pustaka Fajar.

Yusuf al Qradhawi. 2015. *Fiqh Daulah Menurut Perspektif Islam*. Syabab publishing.

Mohd Ruhaifi Bin Md Isa @ Mansor. 2011. *Kepuasan Kerja: Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Komitmen Kerja Kakitangan Fama* (Federal Agricul Ture Marketing) Di Negeri Selangor. Universiti Utara Malaysia (UUM).

Rusniyati Binti Mahiyaddin. 2009. *Hubungan Etika Kerja Islam Dengan Komitmen Organisasi: Kajian Dikalangan Kakitangan Lembaga Urusan Tabung Haji*. Universiti Utara Malaysia (UUM).

Dr. Muhammad Arif Bin Yahya. *Elemen Al-Harak Dalam Huraian Hadis: Kajian Terhadap Pendekatan Sayyid Muhammad Nuh Dalam Penulisannya*. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Zurina Binti Bahrin. 2004. *Faktor Mempengaruhi Keberkesanan Kerja Berpasukan Dikalangan Pekerja Bukan Eksekutif Di Lembaga Pelabuhan Rajang Sibul*. Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia Universiti Malaysia Sarawak.

Fauzi Deraman, Ishak Sulaiman. Faisal Ahmad Shah. 2011. *Sunnah Nabi Realiti dan Cabaran Semasa. Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith*. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Donny Setyawan. 2005. *Analisis Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kepuasan Kerja Dan Relevansinya Terhadap Komitmen Organisasi*. Universiti Di Ponegoro Semarang.

Zalika Adam dan Faridah Kassim. *Kemahiran Kerja Berpasukan: Etika Dalam Pekerjaan Dari Perspektif Islam*. Universiti Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Wan Idros Wan Sulaiman. Maizatul Haizan Mahrob. 2011. *Analisis Keberkesanan Pembinaan Pasukan (Team Building): Impak Ke Atas Sumber Daya Manusia*.

Nurul Islam Mohd Isa . 2015. *Al Wala' Dalam Membentuk Kesatuan Amal Jama'i*. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wan Na A/P Eh Tem. 2013. Pengaruh Iklim Organisasi Ke Atas Prestasi Kerja Guru Di Kolej Vokasional. Fakulti Pendidikan Tun Hussein Onn Malaysia Batu Pahat Johor.

Ahmad Anwar. 2015. Islam Dan Globalisasi Pendidikan .  
<http://journal.iaingorontalo.ac.id/index.php/tjmpi>. 1 Februari.

Muhammad Habullah. 2012. Kewajiban Berjemaah dan Amal Jama'i.  
<http://habullah.wordpress.com>. 15 Disember.

Muhammad Haniff Hassan. 2007. Kefahaman Mengenai Konsep Berjemaah Dalam Islam.  
<http://haniff.sg/pautan/meluruskankefahaman>. 9 November.

Ahmad Fadhli Bin Shaari. 2011. Hukum Tahaluf Siyasi Dalam Konteks Gerakan Islam Masa kini. [htmkias.edu.my/tahalufsiyasi](http://htmkias.edu.my/tahalufsiyasi). 5 Mac.

Khairul Azam. 2008. Syariat Beramal Jama'i.  
<http://www.google.com/amp/s/khairulazam.wordpress.com>. 31 Julai.

Ustaz Saiful Islam Mubarak. 2018. Fiqh Islam Dzikir Amal Jama'i.  
[www.fiqhislam.com/dzikir/amal-jama'i-bersama-ahli-dikir](http://www.fiqhislam.com/dzikir/amal-jama'i-bersama-ahli-dikir). 2 Januari.